



LANCARKAN... Harun (kanan) melancarkan kempen 'Green Office Awareness' sambil diperhatikan oleh Awangku Hassanal.



LANTIKAN ... Harun (tengah) menyampaikan Watikah Pelantikan kepada salah seorang Jawatankuasa Environmental Management System UMS, Dayang Rukiah Awang Damit.

UMS lancar kempen 'Green Office Awareness'

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melancarkan kempen 'Green Office Awareness', kelmarin, demi mengekalkan harmoni bumi hijau melalui sikap warganya dalam penjimatatan tenaga di tempat kerja.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, kempen 'Green Office Awareness' merupakan usaha susulan daripada pelancaran rangka kerja (Bluerprint) EcoCampus yang dijalankan oleh Pusat Pengurusan EcoCampus.

"UMS sudah bersiap sedia dalam mengimplementasikan segala nilai dan elemen yang berkaitan penjimatatan tenaga dan pengurusan sisa buangan elektronik, bagi mencapai hasrat untuk menjadi peneraju utama model Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam pemuliharaan alam sekitar di Malaysia," katanya ketika ditemui media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Green Office Awareness UMS, di Galeri Majlis UMS, di sini, kelmarin.

Katanya, untuk itu UMS sebagai institusi pengajian tinggi harus bertanggungjawab meningkatkan kefahaman pendidikan dan menggandakan kesedaran kepada warga UMS dan masyarakat betapa pentingnya pemuliharaan alam sekitar.

Dalam menikmati kemajuan ekonomi, tanpa disedari penggunaan teknologi moden di pejabat seperti penghawa dingin, peralatan moden pejabat dan penggunaan tenaga elektrik yang berlebihan adalah penyumbang utama kepada pemanasan global, pencemaran udara dan air, katanya.

"Melalui kempen 'Green Office Awareness' ini diharapkan warga UMS dapat membuat perubahan sikap yang boleh membantu penjimatatan tenaga di tempat kerja."

"Juga adalah diharapkan perubahan sikap ini dapat membantu mengurangkan kos operasi harian dalam penggunaan tenaga di dalam kampus seterusnya melestarikan alam sekitar," katanya.- **OLEH BALQIS JA-MALUDIN** (balqis@news-abahtimes.com.my)